




Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyberjaya
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan



Ruj. Kami : MQA.100-17/2 Jld.4 (12)

Tarikh : 4 Oktober 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 13/2021

GUIDELINES: GRADUATE CERTIFICATE IN TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET) TEACHING COMPETENCY

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA) Second Edition* yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling MQA Bil. 6/2020 bertarikh 31 Disember 2020. Salah satu daripada *TVET standards* bagi 'Bidang 4: Tenaga Pengajar', *COPTPA Second Edition* menetapkan bahawa tenaga pengajar TVET perlu memiliki *TVET Teaching Competency* di samping kelayakan formal lain atau pengalaman kerja yang dimiliki.

3. Mesyuarat Majlis MQA Bil. 5/2021 yang bersidang pada 7 September 2021 telah meluluskan pemakaian *Guidelines: Graduate Certificate in Technical and Vocational Education and Training (TVET) Teaching Competency*. Dokumen ini menyediakan panduan yang komprehensif kepada Pemberi Pendidikan tinggi (PPT) dalam membangunkan dan menawarkan program kompetensi mengajar sebagai menyokong keperluan tenaga pengajar TVET yang telah ditetapkan.

4. Program *Graduate Certificate in TVET Teaching Competency* akan dimanfaatkan oleh PPT yang menawarkan program TVET yang melalui akreditasi MQA sebagai memenuhi keperluan tenaga pengajar TVET. Inisiatif ini merupakan alternatif kepada penawaran program kompetensi tenaga pengajar TVET sedia ada yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

5. *Guidelines: Graduate Certificate In TVET Teaching Competency* akan menjadi rujukan kepada PPT dan digunakan oleh pegawai dan Ahli Panel Penilai (APP) MQA sebagai panduan dalam peniliran akreditasi program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur dan konsisten dapat menghasilkan tenaga pengajar TVET yang kompeten dan berkualiti.

6. Dokumen ini juga perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, Kod Amalan Akreditasi MQA yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

7. *Guidelines: Graduate Certificate In TVET Teaching Competency* boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)